



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN
FUNDAMENTAL
(FRGS)
(PINDAAN TAHUN 2020)**

**BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
No. Tel. : 03-8870 6974/6975
No. Faks : 03-8870 6867**

SENARAI KANDUNGAN

Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental	3
BAHAGIAN 1 (PENGENALAN)	
1.1 Pendahuluan	4
1.2 Falsafah	4
1.3 Definisi	4
1.4 Tujuan	4
BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)	
2.1 Syarat Am Permohonan	5
2.2 Sektor Keutamaan Negara, Kluster Penyelidikan dan Domain Penyelidikan	8
2.3 Tempoh Penyelidikan	9
2.4 Siling Peruntukan	9
2.5 Hasil Penyelidikan	9
2.6 Peraturan Permohonan	11
BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)	
3.1 Penilaian Permohonan	12
3.2 Kriteria Penilaian	13
BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	
4.1 Pelaksanaan Penyelidikan	14
4.2 Pemantauan Projek	14
BAHAGIAN 5 (PERATURAN KEWANGAN)	
5.1 Kod Perbelanjaan	17
5.2 Penggunaan Peruntukan	20
BAHAGIAN 6 (KEPUTUSAN)	
6.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	21
6.2 Dokumen dan Ikatan Perjanjian	21
LAMPIRAN	
Carta Alir Permohonan	23
Carta Alir Pemantauan	24
Jadual Pemantauan	25
Senarai Institusi (Lampiran A)	26

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing
untuk transformasi ilmu dan
kecemerlangan negara

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan
kapasiti penyelidikan berimpak tinggi
bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap
perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual,
penciptaan teknologi baharu dan
penyuburan peradaban yang dinamik

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dokumen Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Garis Panduan ini perlulah dirujuk bersekali dengan Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.2 FALSAFAH

Sebagai sebuah negara yang beraspirasi untuk menjadi negara maju, Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Untuk ini, sebuah dana khusus diperlukan. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dapat menggalakkan penyelidikan asas untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

1.3 DEFINISI

Penyelidikan fundamental merupakan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baharu demi perkembangan ilmu.

1.4 TUJUAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk melonjakkan penjana teori, konsep dan idea baharu yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pihak JPT, KPM akan memaklumkan pembukaan tarikh permohonan geran FRGS melalui surat rasmi kepada Institusi. Pihak Institusi perlu membuat hebahan pembukaan permohonan dan melaksanakan penilaian permohonan mengikut ketetapan JPT, KPM. Carta Alir Permohonan adalah seperti di **Rajah 1**.

2.1 SYARAT AM PERMOHONAN

Geran ini **terbuka kepada kakitangan akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah) di Institusi yang berkaitan seperti di Lampiran A** dengan syarat-syarat berikut:-

- 2.1.1 Kakitangan akademik warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Institusi yang sama sahaja.
- 2.1.2 Bagi kakitangan akademik bukan warganegara bertaraf tetap/kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Institusi yang sama sahaja.
- 2.1.3 Felo Penyelidik warganegara Malaysia daripada Universiti Awam dengan tempoh kontrak tidak kurang daripada satu (1) tahun adalah dibenarkan untuk memohon geran sebagai Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, mesti mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Institusi yang sama.
- 2.1.4 Permohonan dari Universiti Cawangan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-
 - 2.1.4.1 Ketua Penyelidik yang bukan warganegara Malaysia dibenarkan untuk memohon dengan syarat penyelidik bersama mestilah warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Institusi yang sama.

- 2.1.5 Permohonan dari Institusi Penyelidikan di bawah Kementerian yang tersenarai di Lampiran A dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) perlu mengikut syarat-syarat berikut:-
- 2.1.5.1 Bagi permohonan dari Institusi Penyelidikan, dimestikan Pegawai Penyelidik/Saintis Penyelidik bertaraf tetap. Pegawai Penyelidik hendaklah mempunyai kelulusan minimum Ijazah Sarjana dengan lima tahun pengalaman kerja selepas lantikan. Ketua Penyelidik dibenarkan untuk memohon dengan syarat penyelidik bersama mestilah warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Institusi yang sama.
 - 2.1.5.2 Bagi permohonan dari IPGM, dimestikan kakitangan akademik bertaraf tetap. Ketua Penyelidik dibenarkan untuk memohon dengan syarat penyelidik bersama mestilah warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Institusi yang sama.
 - 2.1.5.3 Institusi Penyelidikan dan IPGM dimestikan untuk mengadakan kolaborasi dengan Universiti Awam dan mempunyai penyelidik bersama daripada Universiti tersebut bagi projek penyelidikan yang dicadangkan.
- 2.1.6 Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.
- 2.1.7 Pemohon amatlah digalakkan untuk berkolaborasi dengan pihak Industri/Agensi yang berkaitan bagi melaksanakan projek penyelidikan tersebut (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat niat (letter of intent) dan lain-lain dokumen yang berkaitan).
- 2.1.8 Pemohon amatlah digalakkan untuk mengemukakan bukti carian paten (patent search) bagi setiap permohonan projek.
- 2.1.9 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu permohonan projek sahaja pada setiap fasa.

- 2.1.10 Permohonan baharu bagi mereka yang telah diluluskan FRGS pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan bukti projek-projek tersebut telah 75% selesai di dalam Modul Pemantauan Sistem MyGRANTS dan disahkan oleh RMC Institusi. Penyelidik dipohon untuk mengemaskini prestasi projek penyelidikan secara atas talian melalui Sistem MyGRANTS pada setiap Februari dan Ogos setiap tahun.
- 2.1.11 Setiap projek penyelidikan yang dipohon perlu menghasilkan bakat dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia - Pendidikan Tinggi (PPPMPT). Penghasilan bakat adalah seperti berikut:-
- 2.1.11.1 Projek tiga (3) tahun
- disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ph.D mod penyelidikan sepenuh masa atau dua (2) orang pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa atau gabungan keduanya.
- 2.1.11.2 Projek dua (2) tahun
- disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa.
- 2.1.12 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan bercuti sabatikal (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan baharu. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan. Maklumat berkaitan tempoh cuti belajar/cuti sabatikal perlu dikemaskini oleh penyelidik dan disahkan oleh RMC Institusi.
- 2.1.13 Tempoh perkhidmatan Ketua Penyelidik mestilah berbaki sekurang-kurangnya dua (2) tahun di Institusi masing-masing mulai daripada tarikh tutup permohonan FRGS.
- 2.1.14 Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.

2.2 SEKTOR KEUTAMAAN NEGARA, KLUSTER PENYELIDIKAN DAN DOMAIN PENYELIDIKAN

2.2.1 Sektor Keutamaan Negara

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu** Sektor Keutamaan Negara (National Priority Areas - NPAs) seperti berikut:-

- (a) Jaminan Makanan (Food Security);
- (b) Jaminan Tenaga (Energy Security);
- (c) Tanaman Perladangan (Plantation Crops);
- (d) Keselamatan Siber* (Cyber Security);
- (e) Jaminan Air (Water Security);
- (f) Kepelbagaian Bio (Biodiversity);
- (g) Penjagaan Kesihatan dan Perubatan (Healthcare and Medicine);
- (h) Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Environment and Climate Change); atau
- (i) Pengangkutan dan Mobiliti (Transportation and Mobility)

*Nota: Sektor Keutamaan ini adalah merangkumi IR4.0 (Cyber Security, Big Data, Artificial Intelligence) yang merujuk kepada Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (National Policy on Industry 4.0).

2.2.2 Kluster Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu** kluster penyelidikan seperti berikut:-

- (a) **Sekuriti** dan Keselamatan Makanan (Food Safety & Security);
- (b) Infrastruktur Asas (Basic Infrastructure);
- (c) Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (Climate Change & Environment);
- (d) Kesihatan (Health);
- (e) Pendidikan dan Masyarakat Madani Celik Ilmu (**Education & Knowledgeable Civil Society**);
- (f) Keselamatan Negara (National Security);
- (g) Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi (Social & Economic Wellbeing); atau
- (h) Teknologi Terkehadapan & Pembuatan Termaju (Frontier Technologies & Advanced Manufacturing)

2.2.3 Domain Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu** domain penyelidikan seperti berikut:-

- (a) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences);
- (b) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering);
- (c) Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences);
- (d) Sains Sosial (Social Sciences);
- (e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts);
- (f) Warisan Alam dan Budaya (Natural and Cultural Heritage);
- (g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology).

2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah **dua (2) tahun atau tiga (3) tahun** sahaja.

2.4 SILING PERUNTUKAN

Peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu **RM250,000.00**. Penetapan siling peruntukan ini hendaklah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada JPT, KPM.

2.5 HASIL PENYELIDIKAN

2.5.1 Bakat

Setiap projek penyelidikan disyaratkan untuk menghasilkan bakat seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). Penghasilan bakat adalah seperti berikut:-

2.5.1.1 Projek tiga (3) tahun:-

- disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ph.D atau dua (2) orang pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa atau gabungan keduanya.

- 2.5.1.2 Projek dua (2) tahun:-
- disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa.

- 2.5.1.3 **Penyelia utama bagi pelajar Ph.D ataupun Sarjana mestilah Ketua Projek ataupun Penyelidik Bersama dalam projek penyelidikan tersebut.**

2.5.2 Penerbitan

Semua penyelidik hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal terindeks. Penghargaan kepada geran FRGS, KPM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

2.5.3 Harta Intelekt

- 2.5.3.1 Bagi projek yang dibiayai oleh geran FRGS, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek di dalam negara terlebih dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta intelek yang dihasilkan daripada geran FRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Institusi.

- 2.5.3.2 Pengurusan harta intelek adalah menjadi tanggungjawab Institusi.

2.5.4 Hasil Pengkomersialan

- 2.5.4.1 Hasil pengkomersialan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

- 2.5.4.2 Untuk Universiti Awam, hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersialan sedia ada.

- 2.5.4.3 Untuk IPTS/Institusi lain, perincian hak milik pengkomersialan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

2.6 PERATURAN PERMOHONAN

- 2.6.1 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu permohonan projek sahaja pada setiap fasa. Permohonan FRGS perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem MyGRANTS.
- 2.6.2 Penyelidik bertanggungjawab mengemaskini profil peribadi dalam MyGRANTS. Profil penyelidik merupakan rujukan bagi penilaian kepatuhan terhadap syarat permohonan.
- 2.6.3 Permohonan untuk FRGS dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat dan bidang penyelidikan seperti yang dinyatakan pada Para 2.1, Para 2.2, Para 2.3 dan Para 2.4.
- 2.6.4 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Institusi masing-masing.
- 2.6.5 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 PENILAIAN

3.1.1 Penilaian Permohonan Peringkat Institusi (Penilaian Dalaman)

- 3.1.1.1 Penilaian dilaksanakan di peringkat Institusi dan hasil penilaian dimajukan kepada JPT, KPM untuk penilaian dan kelulusan;
- 3.1.1.2 RMC perlu melantik Ahli Jawatankuasa Penilaian (Penilai Dalaman). Pelantikan penilai perlu menepati kriteria yang ditetapkan oleh JPT, KPM;
- 3.1.1.3 Setiap kertas cadangan penyelidikan (proposal) perlu dinilai sekurang-kurangnya dua (2) orang penilai;
- 3.1.1.4 Penilai perlu meneliti kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan; dan
- 3.1.1.5 Perakuan RMC perlulah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai dalaman yang dilantik di peringkat Institusi.

3.1.2 Penaziran Permohonan Peringkat JPT, KPM

- 3.1.2.1 Penaziran dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penaziran yang dilantik oleh JPT, KPM;
- 3.1.2.2 Jawatankuasa bertanggungjawab meneliti proses penilaian dan proses pelaksanaan program FRGS di peringkat Institusi;
- 3.1.2.3 Jawatankuasa bertanggungjawab membuat syor dan perakuan kepada Jawatankuasa Penilaian, JPT berdasarkan dapatan audit tersebut; dan
- 3.1.2.4 JPT, KPM berhak menolak kesemua permohonan dari Institusi tersebut sekiranya proses penilaian di Institusi tidak mematuhi prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan.

3.1.3 Penilaian Permohonan Peringkat JPT, KPM

- 3.1.3.1 Permohonan FRGS akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian, JPT mengikut domain penyelidikan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam domain penyelidikan masing-masing;
- 3.1.3.2 Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Teknikal FRGS yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi untuk kelulusan; dan
- 3.1.3.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, KPM.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

- 3.2.1 Cadangan penyelidikan yang dipohon mestilah memenuhi kriteria berikut:-
 - 3.2.1.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan
 - 3.2.1.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
 - 3.2.1.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
 - 3.2.1.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

BAHAGIAN 4

PEMANTAUAN

4.1 PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

Projek penyelidikan perlu dilaksanakan bermula pada tarikh yang ditetapkan oleh JPT, KPM. Projek perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan (full proposal) yang telah diluluskan. Pihak Institusi dan penyelidik perlu mematuhi peraturan dan syarat FRGS serta lain-lain ketetapan daripada JPT, KPM.

Pihak Institusi dan penyelidik perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan (full proposal) mematuhi tadbir urus yang telah ditetapkan oleh JPT, KPM.

4.2 PEMANTAUAN

Pemantauan bagi setiap Institusi dan projek penyelidikan perlu mematuhi semua kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh JPT, KPM. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek penyelidikan adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap Institusi. Carta Alir Pemantauan bagi FRGS adalah seperti di **Rajah 2**.

4.2.1 Pemantauan Berjadual

Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Penghantaran laporan prestasi kepada JPT, KPM dilaksanakan setiap enam (6) bulan seperti di **Jadual 1**.

4.2.1.1 Penghantaran laporan prestasi dan kewangan bagi projek FRGS adalah:-

- (a) Pelaporan pada bulan Februari perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Disember pada tahun sebelum; dan
- (b) Pelaporan pada bulan Ogos perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Jun pada tahun yang sama.

4.2.1.2 Borang-borang yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:-

- (a) **Borang Laporan Prestasi Projek FRGS (Secara Atas Talian melalui Sistem MyGRANTS)**
 - Laporan diisi dan dilengkapkan oleh setiap Ketua Penyelidik dan perlu dihantar kepada RMC di Institusi masing-masing.

- (b) **Borang Laporan Keseluruhan FRGS**
 - Laporan Keseluruhan FRGS mengikut fasa bagi setiap Institusi perlu diisi dan dilengkapkan oleh RMC di Institusi masing-masing;
 - Laporan perlu dihantar oleh RMC Institusi secara salinan lembut (softcopy) dan satu (1) salinan keras (hardcopy) kepada Urus Setia FRGS JPT, KPM;
 - Laporan ini perlu disertakan bersama-sama Borang Laporan Kewangan FRGS dan Borang Laporan Pencapaian FRGS.

- (c) **Borang Laporan Kewangan FRGS**
 - Laporan Kewangan FRGS yang lengkap mengikut fasa bagi Projek perlu diselaraskan oleh RMC Institusi dan disahkan oleh Bendahari Institusi;
 - Laporan perlu dihantar oleh RMC Institusi secara salinan lembut (softcopy) dan satu (1) salinan keras (hardcopy) kepada Urus Setia FRGS JPT, KPM.

- (d) **Borang Laporan Pencapaian FRGS**
 - Laporan Keseluruhan Pencapaian Projek-Projek FRGS yang lengkap mengikut fasa bagi setiap Institusi perlu diselaraskan oleh RMC Institusi;
 - Laporan perlu dihantar oleh RMC Institusi secara salinan lembut (softcopy) dan satu (1) salinan keras (hardcopy) kepada Urus Setia FRGS JPT, KPM.

4.2.2 Pemantauan Tidak Berjadual

4.2.2.1 Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan JPT, KPM seperti berikut:-

- (a) Lawatan tapak dan pengauditan;
- (b) Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditentukan JPT, KPM.

4.2.2.2 JPT, KPM juga berhak memanggil pihak Institusi untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian seperti pembentangan projek penyelidikan.

4.2.3 Laporan Akhir

Ketua Penyelidik perlu menghantar laporan akhir penyelidikan dalam bentuk salinan keras (hardcopy) dan salinan lembut (softcopy) dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek atau tarikh ditamatkan projek.

4.2.3.1 Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:-

- (a) Borang Laporan Akhir Projek (Sistem MyGRANTS);
- (b) Profil Penyelidikan (5 muka surat);
- (c) Hasil Penyelidikan (disertakan bahan bukti);
 - Bakat (nama individu dan peringkat pengajian);
 - Penerbitan (dalam jurnal berindeks);
 - Lain-lain hasil penyelidikan yang berkaitan.
- (d) Infografik Hasil Penyelidikan;
- (e) Digalakkan untuk menyediakan video impak penyelidikan FRGS berdurasi 3-5 minit mengikut format yang telah ditetapkan JPT, KPM.

4.2.3.2 Semua laporan mesti berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang diluluskan sahaja.

BAHAGIAN 5

PERATURAN KEWANGAN

5.1 KOD PERBELANJAAN

Peruntukan bagi FRGS adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

5.1.1 **Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)**

Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) mod penyelidikan sepenuh masa sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800.00 untuk pelajar Sarjana.

5.1.2 **Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan**

5.1.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

5.1.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- (a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
- (b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- (c) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

(d) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan Institusi masing-masing.

(e) Untuk menghadiri persidangan ke luar negara selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

5.1.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.3 **Vot 24000 – Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

5.1.4 **Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap cadangan pembelian bekalan/bahan penyelidikan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

5.1.5 **Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai**

5.1.5.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

5.1.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

5.1.6 **Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas**

5.1.6.1 **Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.**

5.1.6.2 **Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis**
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.7 **Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan**

5.1.7.1 **Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan; dan**

5.1.7.2 **Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.**

5.2 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

5.2.1 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:-

- 5.2.1.1 Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
- 5.2.1.2 Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;
- 5.2.1.3 Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya);
- 5.2.1.4 Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi;
- 5.2.1.5 Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis/kertas/meja/kerusi dan seumpamanya);
- 5.2.1.6 Pembelian peralatan storan (seperti external hardisk/pendrive/CD dan seumpamanya);
- 5.2.1.7 Pembayaran sewaan ruang/fasiliti di Institusi masing-masing;
- 5.2.1.8 Pembayaran pemfailan harta intelek dan seumpamanya; dan
- 5.2.1.9 Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

5.2.2 Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN 6

KEPUTUSAN

6.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 6.1.1 Surat kelulusan projek penyelidikan FRGS akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT/Ketua Setiausaha Kementerian/Rektor IPGM dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bendahari.
- 6.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada Bendahari/Kewangan Institusi setelah surat kelulusan FRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian FRGS.
- 6.1.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian FRGS adalah muktamad.

6.2 DOKUMEN DAN IKATAN PERJANJIAN


6.2.1 Dokumen Perjanjian

- (a) Dokumen perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di antara Kementerian (diwakili oleh JPT, KPM) dan Institusi;
- (b) Pihak Institusi hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa untuk menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak Institusi; dan
- (c) Dua (2) salinan asal perlu dikemukakan kepada JPT, KPM.

6.2.2 Ikatan Perjanjian


- (a) Ikatan perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di antara Institusi dan penyelidik;
- (b) Pihak Institusi hendaklah memastikan ikatan perjanjian dibuat mengikut format yang ditetapkan oleh JPT, KPM. Walau bagaimanapun, pihak Institusi dibenarkan untuk membuat penambahan syarat dan terma bersesuaian dengan keperluan Institusi tanpa meninggalkan sebarang maklumat asas yang telah ditetapkan oleh JPT, KPM; dan
- (c) Pihak Institusi perlu menyerahkan satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani kepada JPT, KPM.

LAMPIRAN – CARTA ALIR PERMOHONAN FRGS



Rajah 1: Carta Alir Permohonan FRGS

LAMPIRAN – CARTA ALIR PEMANTAUAN FRGS



Rajah 2: Carta Alir Pemantauan FRGS

LAMPIRAN – JADUAL KITARAN BAGI PEMANTAUAN BERJADUAL PROJEK FRGS

BULAN											
Kitaran Pemantauan 1						Kitaran Pemantauan 2					
Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Julai - Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Julai - Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Julai - Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)				Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan - Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan - Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan - Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)			

Jadual 1: Jadual Kitaran bagi Pemantauan Berjadual Projek FRGS Peringkat JPT, KPM

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

Senarai Universiti Awam adalah seperti berikut:-

BIL.	UNIVERSITI AWAM	KOD RUJUKAN
1	Universiti Malaya	UM
2	Universiti Sains Malaysia	USM
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
4	Universiti Putra Malaysia	UPM
5	Universiti Teknologi Malaysia	UTM
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	UIAM
7	Universiti Utara Malaysia	UUM
8	Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS
9	Universiti Malaysia Sabah	UMS
10	Universiti Pendidikan Sultan Idris	UPSI
11	Universiti Sains Islam Malaysia	USIM
12	Universiti Teknologi MARA	UITM
13	Universiti Malaysia Terengganu	UMT
14	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	UTHM
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	UTEM
16	Universiti Malaysia Pahang	UMP
17	Universiti Malaysia Perlis	UNIMAP
18	Universiti Sultan Zainal Abidin	UNISZA
19	Universiti Malaysia Kelantan	UMK
20	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	UPNM

Senarai Universiti Swasta adalah seperti berikut:-

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
1	Universiti Multimedia	MMU
2	Universiti Tenaga Nasional	UNITEN
3	Universiti Teknologi Petronas	UTP
4	UNITAR International University	UNITAR
5	Universiti Tun Abdul Razak	UNIRAZAK
6	International Medical University	IMU
7	Universiti Selangor	UNISEL
8	Malaysia University of Science and Technology	MUST
9	Universiti Terbuka Malaysia	OUM
10	Universiti AIMST	AIMST
11	Universiti Kuala Lumpur	UNIKL
12	Universiti Tunku Abdul Rahman	UTAR
13	Universiti Terbuka Wawasan	WOU
14	International Centre for Education in Islamic Finance	INCEIF
15	Management and Science University	MSU
16	Universiti UCSI	UCSI
17	Quest International University Perak	QUEST
18	Universiti Antarabangsa INTI	INTI
19	Universiti Taylor's	TAYLOR
20	Sunway University	SUNWAY
21	Perdana University	PERDANA
22	Universiti HELP	HELP
23	Asia Pacific University of Technology & Innovation	APU
24	Universiti SEGi	SEGI
25	Universiti Nilai	NILAI
26	Binary University of Management & Entrepreneurship	BINARY
27	Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur	IUKL
28	Universiti Metropolitan Asia	AMU
29	Universiti MAHSA	MAHSA

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
30	International University of Malaya - Wales	IUMW
31	University Malaysia of Computer Science and Engineering	UNIMY
32	Universiti Islam Malaysia	UIM
33	Asia School of Business	ASB
34	Meritus University	MERITUS
35	Universiti Sultan Azlan Shah	USAS
36	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	UniSHAMS
37	Al-Madinah International University	MEDIU
38	Asia e University	AeU
39	City University	CITY
40	DRB-HICOM University of Automotive Malaysia	DRB-HICOM
41	GlobalNxt University	GLOBALNXT
42	Raffles University (Raffles University Iskandar)	RAFFLES
43	University Antarabangsa AlBukhary	AIU
44	Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing	LUCT
45	Universiti Cyberjaya (Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya)	CUCMS
46	Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech	IUCTT
47	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	KUIS
48	Kolej Universiti TATI	TATI
49	Kolej Universiti BERJAYA	KUHB
50	Kolej Universiti Islam Melaka	KUIM
51	Kolej Universiti Linton	LINTON
52	Kolej Universiti KDU	KDU
53	Kolej Universiti Widad (Kolej Universiti Shahputra)	KUSP
54	Kolej Universiti Lincoln	KUL
55	Kolej Universiti KPJ Healthcare	KPJ
56	Kolej Universiti Bestari	KUB
57	Kolej Universiti Selatan	KUS
58	Kolej Universiti Teknologi Sarawak	KUTS

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
59	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman	TARUC
60	Kolej Universiti Geomatika	GUC
61	Kolej Universiti Islam Perlis	KUIPS
62	Kolej Universiti Yayasan Sabah	KUYS
63	Kolej Universiti Agrosains Malaysia	UCAM
64	Kolej Universiti KDU Penang	KDUPG
65	Kolej Universiti Borneo Utara	KUBU
66	Kolej Universiti Fairview	FAIRVIEW
67	Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah	KUIPSAS
68	Kolej Universiti New Era	NEWERA
69	Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur	KUPTM
70	Kuala Lumpur Metropolitan Universiti College	KLMUC
71	Kolej Universiti Veritas	VERITAS
72	Kolej Universiti Saito	SAITO
73	Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang	HJU
74	Kolej Universiti Genovasi	KUG
75	Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS	PIUC
76	Kolej Universiti Yayasan Pahang	KYP
77	First City University College	FIRSTCITY
78	Netherlands Maritime Institute of Technology	NMIT

Senarai Universiti Cawangan adalah seperti berikut:-

BIL.	INSTITUSI CAWANGAN	KOD RUJUKAN
1	University of Nottingham in Malaysia	UNIM
2	Monash University Malaysia	MUSM
3	Curtin University of Technology Sarawak	CURTIN
4	Swinburne University of Technology	SWIN
5	University of Southampton Malaysia Campus	USMC
6	Heriot-Watt University Malaysia	HWUM
7	Universiti of Reading Malaysia	READING
8	Xiamen University Malaysia Campus	XMU
9	Newcastle University Medicine Malaysia	NUMeD
10	Royal College of Surgeons In Ireland And University College Dublin Malaysia Campus	RCSIUCD

Nota:

Berdasarkan Senarai Daftar IPTS Bertaraf Universiti sehingga 30 November 2019.

Senarai lain-lain Institusi adalah seperti berikut:-

BIL.	INSTITUSI LAIN	KOD RUJUKAN
1	Institut Pendidikan Guru Malaysia	IPGM
2	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim	MESTECC
3	Kementerian Kewangan Malaysia	MOF
4	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia	MOA
5	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	KATS
6	Kementerian Industri Utama	MPI
7	Kementerian Kesihatan Malaysia	MOH
8	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	MITI

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

**SEKSYEN PENGURUSAN PENYELIDIKAN
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
NO. TEL. : 03-8870 6974 / 6975
NO. FAKS : 03-8870 6867**